

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH
YANG KEENAM BELAS
[22,23,24 DAN 25 MEI 2023]**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN
UNTUK SOALAN LISAN**

**SOALAN DAN JAWAPAN
NO. 13**

**23 MEI 2023
(SELASA)**

**OLEH
YANG BERHORMAT DATUK ELLRON ANGIN
MENTERI BELIA DAN SUKAN SABAH**

SOALAN 13

**YB. Datuk Anwar Ayub @ Annuar Ayub [Liawan] bertanya kepada
MENTERI BELIA DAN SUKAN**

Apakah usaha Kementerian untuk menaiktaraf padang-padang bola
khasnya di kawasan pedalaman.

JAWAPAN

Datuk Speaker,

Bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat N.41 [LIAWAN] dan Dewan Yang Mulia ini, Kementerian saya maklum dengan keperluan-keperluan padang-padang bola sepak dan kemudahan-kemudahan sukan lain di seluruh Sabah termasuk di kawasan-kawasan pedalaman. Justeru, pegawai-pegawai Kementerian saya sentiasa menjalankan kajian mengenai keperluan kemudahan-kemudahan ini sebagai justifikasi dalam permohonan peruntukan tahunan mahupun peruntukan-peruntukan tambahan pertengahan tahun. Kementerian saya juga telah menjalankan program naik taraf padang luar bandar dan gelanggang sukan serbaguna di bawah program Transformasi Luar Bandar yang dilaksanakan setiap tahun mengikut daerah di seluruh Negeri Sabah yang mana telah dikenalpasti untuk kemudahan riadah dan latihan masyarakat setempat.

Datuk Speaker,

Saya dan beberapa pegawai Kementerian telah mengadakan beberapa siri perbincangan dan mengemukakan permohonan kepada YB Menteri Belia dan Sukan Persekutuan untuk membantu Kerajaan Negeri membangunkan prasarana-prasarana sukan di Sabah termasuk pembinaan padang-padang bola sepak dan gelanggang-gelanggang

sukan untuk komuniti setempat. Kita berharap agar Kementerian Belia dan Sukan Persekutuan akan memberi respon yang positif dengan isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Kementerian saya.

Sukacita juga dimaklumkan bahawa Kementerian Belia dan Sukan Malaysia mempunyai peruntukan untuk menaik taraf kemudahan-kemudahan sukan yang terdapat di Sabah. Pihak berkuasa tempatan dan kelab-kelab boleh memohon peruntukan tersebut melalui Jabatan Belia dan Sukan Sabah.

Sekian. Terima kasih.

(Rujuk Lampiran A: Laporan Statistik Pengguna Kemudahan Sukan Bagi Kompleks-Kompleks Sukan Di Bawah Urus Tadbir Lembaga Sukan Sabah Tahun 2020 - 30 April 2023)